

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 APRIL 2017

Pencapaian PNB jadi kebanggaan negara: PM

BH- 21/4/2017

➔ Tingkat taraf Bumiputera bukti mampu jana ekonomi Malaysia

Oleh Abdul Razak Raaff dan Nurul Nadira Shaari
bhnews@bh.com.m

✦ Temerloh

Rakyat wajar berbangga dengan pencapaian Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam meningkatkan taraf ekonomi Bumiputera di bandar dan luar bandar sejak diwujudkan 36 tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak turut mengiktiraf PNB sebagai institusi unggul yang berjaya mencapai objektif pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) oleh pemimpin terdahulu.

Beliau berkata, rakyat perlu menghayati kejayaan PNB yang diwujudkan pada 1981 dalam menebus maruah negara apabila membawa pulang syarikat gergasi dan ternama antarabangsa yang dahulunya milik 'negara' yang menjajah Malaysia, menerusi stra-

tegi tepat dan kebijaksanaan mereka yang menerajui PNB.

"Kita tahu PNB melalui strategi *London Dawn Raid* (serangan waktu Subuh di Bursa Saham London) untuk membawa balik syarikat Guthrie ke Malaysia dan akhirnya menjadi milik rakyat Malaysia.

"Inilah pada saya membuka minda bahawa kita memang boleh melakukan pembaharuan dan penstrukturan semula ekonomi negara.

PNB kendali lebih 200 firma

"Hari ini PNB mengendalikan lebih 200 syarikat dan menjadi institusi unggul kebanggaan seluruh rakyat Malaysia," katanya ketika merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2017 yang berlangsung sehingga Selasa ini di Dataran Temerloh di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Kemajuan



Najib diiringi Abdul Wahid bermesra dengan orang ramai pada majlis perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2017 di Temerloh, semalam.

Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar.

Perdana Menteri berkata, PNB menerusi anak syarikatnya, Sime Darby Berhad berjaya membuktikan pencapaiannya dalam sektor perladangan dengan memiliki 280,000 hektar ladang di Indonesia, 220,000 hektar di Liberia dan 350,000 hektar di Malaysia.

Najib turut mengucapkan tahniah kepada PNB kerana kejayaannya mengagihkan dividen dan bonus kepada 13 juta pelabur membabitkan pembayaran sebanyak RM157.5 bilion sejak penubuhannya pada 1981 sehingga 2016.

Perdana Menteri turut menegaskan walaupun DEB yang diasaskan Tun Abdul Razak Hussein sudah berakhir, roh, semangat, falsafah dan prinsipnya tidak pernah 'berkubur', sebaliknya menjelma menerusi penjenamaan baharu



Kita tahu PNB melalui strategi *London Dawn Raid* (serangan waktu Subuh di Bursa Saham London) untuk membawa balik syarikat Guthrie ke Malaysia dan akhirnya menjadi milik rakyat Malaysia"

Najib Razak,
Perdana Menteri

dan terkini, iaitu agenda Transformasi Kesejahteraan Bumiputera dilancarkan, kelmarin.

"Inilah matlamat saya lebih-lebih lagi di bawah Transformasi Nasional 50 (TN 50) dan kitalah satu-satunya kerajaan yang mampu membawa transformasi ini kepada golongan Bumiputera dan negara," katanya.

Program Jom Bantu Rakyat

Sementara itu, seorang warga tua di Kampung Tenggeh dekat sini gembira dengan keprihatinan Perdana Menteri yang turun padang melihat sendiri kerja membaiki kediamannya menerusi program Jom Bantu Rakyat.

Hasmah Ibrahim, 74, berkata dia tidak menyangka Najib akan melihat sendiri kerja membaiki kediamannya yang rosak teruk akibat banjir pada 2014.